

Surat khabar: Utusan Borneo (Sukan)

Hari/Tarikh: 11/6/2016

Muka surat: 20

Tajuk : 14 kakitangan MSNS lawat fasiliti perkampungan atlet di UNIMAS

14 kakitangan MSNS lawat fasiliti perkampungan atlet di UNIMAS

KUCHING: Seramai 14 kakitangan Majlis Sukan Negeri Sarawak (MSNS) diberi peluang melawat fasiliti di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kelmarin yang akan digunakan sebagai Perkampungan Sukan atlet pada Sukan Malaysia (SU-KMA) ke-18 berlangsung di sini dari 22 hingga 31 Julai 2016.

Ketua Unit Sukan UNIMAS Zamberi Baizuri dan kakitangannya mengetuai pemeriksaan fasiliti yang akan digunakan bagi menempatkan atlet Sarawak termasuk petugas MSNS semasa SUKMA berlangsung kelak.

Antara fasiliti yang dilawat termasuk asrama atlet, bilik operasi atau sekretariat termasuk tempat klinik kecemasan.

Mereka turut memeriksa dewan utama yang akan digunakan bagi majlis pembukaan



KUNJUNG: Kakitangan MSNS bersama dengan wakil penaja LEA Sports Centre semasa melakukan pemeriksaan di perkampungan sukan di UNIMAS kelmarin.

rasmii kem kontinjen di mana Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem

akan melakukan simbolik penyerahan bendera kepada atlet yang akan mewakili

Sarawak.

Atlet Sarawak akan mula memasuki perkampungan

sukan pada 14 Julai kerana acara bola sepak akan bermula awal pada 15 Julai.